

Headline **Lebih 70 peratus graduan dapat kerja**  
Date **04. Dec 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Kosmo** Page No **4**  
Section **Negara** Article Size **73** cm2  
Circulation **120000** Frequency **Daily**  
Readership **234000** Color **Full Color**  
AdValue **1412.54**



## Lebih 70 peratus graduan dapat kerja

KUALA LUMPUR - Kira-kira 70 peratus daripada 38,164 siswazah yang mengikuti Skim Latihan Graduan (SLG) berjaya mendapat pekerjaan selepas tamat latihan, Dewan Negara diberitahu semalam.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Noraini Ahmad berkata, ini bukti skim itu, yang dilancarkan pada 2001 dengan peruntukan RM240 juta untuk membantu siswazah menganggur mendapat kerja, telah berjaya mencapai matlamatnya.

"Kementerian telah merancang bagi merangka program untuk melatih semula graduan yang menganggur ini dengan kerjasama agensi seperti Malaysian Institute of Microelectronics Systems (Mimos) dan Multimedia De-

velopment Corporation (MDEC) bagi peningkatan kemahiran mengikut keperluan industri.

"Latihan itu akan menjurus kepada bidang teknologi maklumat, bahasa Inggeris, peningkatan diri, soft-skills dan sebagainya," katanya ketika menjawab soalan Senator J. Usha Nandhini di sini semalam.

Usha ingin tahu adakah Kementerian mahu melancarkan semula SLG dan juga Skim Latihan Pekerja yang Diberhentikan dan Penganggur kerana krisis ekonomi.

Noraini berkata, sehingga kini, terdapat 100,339 graduan menganggur telah mendaftar dalam sistem pencarian pekerjaan secara dalam talian, Job Malaysia.